

13 OCT 2002

Zainuddin-Mahathir

ZAINUDDIN TIDAK SETUJU DESAKAN MAHATHIR TARIK BALIK PERSARAAN

KUALA LUMPUR, 13 Okt (Bernama) -- Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan Datuk Zainuddin Maidin hari ini berkata beliau tidak setuju dengan desakan supaya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menarik balik hasratnya untuk bersara seperti yang telah diumumkan.

Beliau berkata pihak yang membuat seruan ini tanpa sedar telah cuba menimbulkan keraguan dan memperkecilkan keupayaan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk mengambil alih jawatan itu.

Beliau gembira dengan kenyataan Dr Mahathir dalam temuramah CNN-Talk Asia yang disiarkan malam tadi bahawa Abdullah mempunyai kualiti yang diperlukan untuk menjadi perdana menteri.

"Dr Mahathir sepatutnya berhenti lebih awal lagi tetapi keadaan telah menolaknya untuk meneruskan jawatan demi kepentingan parti dan negara berikutan krisis politik dan parti pada 1997-1999. Saya rasa keperluan itu tidak begitu mendesak sekarang," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Zainuddin berkata demikian sebagai mengulas desakan beberapa pihak termasuk Konvensyen Umno Kelantan agar Dr Mahathir menarik balik keputusan untuk tidak bertanding dalam pilihan raya umum akan datang.

Anggota Parlimen Gua Musang Tengku Razaleigh Hamzah dalam mengulas desakan Umno Kelantan itu berkata keputusan Dr Mahathir untuk tidak bertanding boleh ditarik balik berdasarkan permintaan ramai yang mahukan beliau meneruskan perkhidmatan.

"Saya terkejut pihak yang dahulunya cuba untuk menggulingkan Dr Mahathir sekarang merasa wajar untuk meminta beliau meneruskan jawatannya," kata Zainuddin.

Beliau juga menganggap persepsi bahawa Dr Mahathir akan megikut jejak bekas perdana menteri Singapura Lee Kuan Yew menjadi menteri kanan dan sebagainya adalah merendah-rendahkan kewibawaan dan keperibadian Dr Mahathir sendiri.

"Dalam beberapa hal Dr Mahathir adalah jauh lebih demokratik dari Lee Kuan Yew, malah beliau (Dr Mahathir) adalah pemimpin sebuah negara demokratik yang jelas mempunyai pembangkang yang jauh lebih besar dari Singapura. Malaysia bukan sebuah negara autoritarian," katanya.

Zainuddin berkata Dr Mahathir adalah seorang pemimpin Umno yang bernasib baik dan diberikan kesempatan oleh Allah untuk melihat jatuh dan banggunya semula dalam politik.

"Tidak ramai pemimpin Umno dan perdana menteri sebelum ini mendapat peluang ini. Apa pun penilaian politik, Dr Mahathir telah dapat melihat kebangkitannya semula selepas krisis 1997-1999, tidak sahaja dalam negara malah namanya semakin harum di luar negara.

"Saya percaya sebahagian besar rakyat Malaysia mahu beliau meninggalkan kepimpinan negara dalam kecemerlangan dan keagungannya. Saya adalah seorang daripadanya," katanya.

-- BERNAMA

RV RV RON